

*Soal Jawab*

mengenai

# JIHAD

Muhammad Haniff Hassan  
& Mohamed bin Ali

© 2007

Penerbitan buku ini disokong dan ditaja oleh



Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

&



PERDAUS

# KANDUNGAN

<i>Kandungan</i>	<i>muka surat</i>		
Pendahuluan			
<b>1.</b> Apakah erti jihad?	1	<b>14.</b> Apakah sikap Islam terhadap perbuatan mengambil tebusan, merampas pengangkutan awam dan melakukan serangan di tempat awam?	13
<b>2.</b> Apakah bentuk-bentuk jihad dalam Islam?	1	<b>15.</b> Sesetengah pihak membolehkan membunuh orang awam kerana mereka membayar cukai dan mengundi pemerintah yang memerangi umat Islam. Adakah pandangan ini benar?	13
<b>3.</b> Apakah dia tujuan-tujuan jihad?	1	<b>16.</b> Apakah boleh membunuh pekerja-pekerja awam yang bekerja untuk musuh?	14
<b>4.</b> Apakah boleh penggunaan istilah seperti jihad melawan kemiskinan, jihad pendidikan, jihad membasmi buta huruf, jihad ekonomi dll?	3	<b>17.</b> Apakah benar hukum jihad bersenjata pada hari ini ialah fardhu ain ke atas semua umat Islam?	15
<b>5.</b> Apakah bentuk-bentuk jihad yang relevan hari ini?	4	<b>18.</b> Apakah perlu Muslim Singapura pergi ke medan jihad bersenjata yang sah untuk membantu saudara-saudaranya yang tertindas?	15
<b>6.</b> Apakah konsep jihad bersenjata masih relevan di zaman ini?	5	<b>19.</b> Bagaimanakah yang sebaiknya seorang Muslim bertindak terhadap penindasan dan kekejaman yang berlaku ke atas masyarakat Islam di negara tertentu?	16
<b>7.</b> Apakah adab dan hukum yang mengatur pelaksanaan jihad bersenjata?	5	<b>20.</b> Apakah pandangan Islam terhadap pemberontakan bersenjata melawan pemerintah yang tidak adil, mengamalkan korupsi dan kuku besi?	17
<b>8.</b> Adakah Islam hanya membenarkan perang untuk membela umat Islam sahaja?	9	<b>21.</b> Apakah Islam membenarkan menyerang musuh di mana-mana sahaja?	18
<b>9.</b> Adakah Islam mensyariatkan jihad bersenjata untuk memerangi orang bukan Muslim sepanjang masa?	9	<b>22.</b> Apakah pandangan Islam terhadap operasi bunuh diri yang banyak berlaku hari ini?	18
<b>10.</b> Adakah benar ayat-ayat yang membenarkan jihad hanya apabila diserang telah dimansuhkan?	10		
<b>11.</b> Apakah benar jihad bersenjata ialah amalan Islam yang paling mulia dan tertinggi?	10		
<b>12.</b> Bagaimanakah jihad bersenjata dilancarkan?	11		
<b>13.</b> Kenapakah perlu mematuhi undang-undang antarabangsa berkaitan peperangan sedangkan Islam mempunyai hukum jihad?	12		

# Pendahuluan

Buku kecil ini ditulis dengan tujuan untuk menerangkan kepada para pembaca kefahaman betul dan asas mengenai jihad.

Ia dikemukakan dalam bentuk soal jawab yang mudah dan ringkas bagi memudahkan bacaan dan kefahaman.

Buku ini ditulis untuk segenap lapisan masyarakat, samada Muslim atau bukan Muslim, dengan tujuan untuk membina kefahaman yang betul dan kontekstual dalam masyarakat mengenai jihad, menghilangkan salahfaham dan prasangka dan akhir sekali memupuk keharmonian hubungan antara kaum.

Para pembaca yang berminat untuk lebih mendalami isu ini, diingatkan agar melakukannya di bawah bimbingan asatizah yang bertauliah.

Akhir sekali, kami ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak, khususnya MUIS dan PERDAUS, atas sokongan dan tajaan yang diberi sehingga membolehkan buku kecil ini diterbitkan.

Semoga usaha kecil ini diterima sebagai amal soleh.

*Muhammad Haniff Hassan  
Mohamed bin Ali*

## 1. Apakah erti jihad?

Jihad di dalam Islam bermaksud mengerah sepenuh tenaga atau berjuang untuk menunaikan perintah Allah taala dengan mengerjakan segala kebaikan dan meninggalkan segala kejahatan demi kebaikan seluruh alam. Jihad adalah sebahagian dari ajaran Islam yang menganjurkan kepatuhan kepada Allah taala dan hubungan damai dengan semua pihak.

Jihad melawan musuh yang memerangi hanyalah sebahagian dari pengertian dan bentuk jihad yang dinyatakan di atas.

## 2. Apakah bentuk-bentuk jihad dalam Islam?

Jihad boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk. Ia boleh dilakukan dengan lisan iaitu menasihati orang lain atau dengan tenaga iaitu dengan melakukan kerja kemasyarakatan untuk golongan yang kurang bernasib baik.

Jihad bersenjata hanyalah salah satu dari bentuk jihad yang ada dalam Islam dan bukan satu-satunya.

## 3. Apakah dia tujuan-tujuan jihad?

Berdasarkan erti jihad yang luas, maka tujuan-tujuan jihad juga adalah luas antaranya:

a. *Menundukkan nafsu yang berada dalam diri kita.*

Muslim dituntut untuk membangun kekuatan ruhani dan moral untuk mengatasi segala cabaran hidup dengan penuh keyakinan. Oleh itu, Muslim perlu berjihad untuk melawan dan mengawal nafsu yang ada dalam dirinya agar tidak mendorong kepada kejahatan. Ini boleh dilakukan dengan melakukan proses pembersihan diri dari sifat-sifat yang keji dan memupuk sifat-sifat yang terpuji melalui ibadah-ibadah yang dianjurkan oleh Islam seperti membaca Al-Quran, berzikir, berpuasa, bersedekah dan mengamalkan adab yang mulia dalam tingkah laku sosial.

Jihad ini sebenarnya mendahului segala bentuk jihad yang lain termasuk jihad bersenjata kerana sukar sekali untuk seseorang itu melakukan kerja-kerja kebaikan dan pengorbanan yang besar di jalan Allah taala jika nafsu menguasai dirinya dan hatinya kosong dari keikhlasan.

b. *Meningkatkan akal dan minda.*

Muslim perlu berjihad untuk mempertingkatkan mindanya dengan ilmu dan menggunakan akalnya pula untuk kebaikan semua pihak. Ini boleh dicapai dengan membangun sikap terbuka untuk belajar bukan hanya dari tamadun sendiri tapi juga dari tamadun yang lain. Hanya dengan kesediaan untuk menerima dan membangun ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber sahaja Muslim benar-benar dapat menjadi rahmat bagi semua pihak.

c. *Menasihati golongan yang melakukan kejahatan atau mengikut nafsu.*

Muslim perlu berjihad untuk membimbing golongan ini dengan penuh hikmah melalui nasihat, teguran atau apa jua aktiviti yang boleh mengembalikan mereka ke jalan yang benar.

d. *Mengatasi golongan yang melakukan kemusnahan ke atas nyawa, harta benda dan alam.*

Muslim perlu berjihad untuk mencegah golongan ini dari terus melakukan perbuatan mereka yang merosakkan dengan melakukan tindakan penguatkuasaan undang-undang sehingga mereka dapat dihukum sejajar dengan kuasa yang diberikan.

e. *Golongan yang memerangi.*

Apabila negara di mana seorang Muslim itu tinggal diserang atau diceroboh secara tidak sah dan adil, wajiblah ke atas Muslim untuk mempertahankannya walaupun dengan mengangkat senjata.

## 4. Apakah boleh penggunaan istilah seperti jihad melawan kemiskinan, jihad pendidikan, jihad membasmi buta huruf, jihad ekonomi dll?

Penggunaan istilah jihad yang seperti ini adalah baru tetapi ia tidak salah sama sekali kerana ia sejajar dengan erti jihad yang luas seperti yang telah dinyatakan. Namun, perlu beringat agar tidak menganggap bahawa jihad-jihad seperti ini sebagai satu-satunya bentuk atau erti jihad masa

kini atau menafikan bentuk jihad yang lain termasuk jihad bersenjata. Ia hanya bertujuan untuk memberi fokus dan keutamaan berdasarkan konteks yang sesuai dengannya.

## 5. Apakah bentuk-bentuk jihad yang relevan hari ini?

Bentuk-bentuk jihad yang relevan hari ini bergantung kepada keadaan sesuatu masyarakat Islam di sesuatu tempat.

Para pemimpin masyarakat Islam di sesuatu tempat hendaklah membuat penilaian akan masalah-masalah besar dan utama yang dihadapi oleh mereka dan menetapkan keutamaan mereka.

Atas dasar ini, jihad bersenjata bukan sesuatu yang semestinya dilakukan oleh semua masyarakat Islam di tempat mereka berada dalam semua keadaan kerana setiap tempat mempunyai perbezaan permasalahan yang perlu ditangani dan keutamaan yang perlu didahulukan.

Masalah ekonomi dan sosial dan ketiadaan pendidikan amat berleluasa dalam masyarakat Islam di merata dunia hari ini. Ia termasuk dalam keutamaan yang perlu ditangani segera dan tanggungjawab melakukannya terpikul di bahu para pemimpin dan semua masyarakat Islam. Ia adalah satu jihad yang besar, bukan kecil.

## 6. Apakah konsep jihad bersenjata masih relevan di zaman ini?

Jihad bersenjata adalah satu syariat kekal dan tidak termansukh. Pada hakikatnya, jihad bersenjata menyamai konsep kewajiban sebuah negara untuk mempertahankan kedaulatannya. Apa yang perlu dipastikan ialah pelaksanaannya haruslah menepati dengan adab dan hukum yang telah ditetapkan oleh agama.

## 7. Apakah adab dan hukum yang mengatur pelaksanaan jihad bersenjata?

Antara adab dan hukum yang mengatur pelaksanaan jihad bersenjata ialah:

a. *Mempunyai tujuan yang sejajar dengan ketentuan Al-Quran.*

Tujuan jihad yang betul ialah untuk mempertahankan diri dari serangan musuh (Al-Baqarah: 193-4), membela golongan yang tertindas dan dizalimi (Al-Haj: 39- 40) dan menentang pemberontak dan pelaku kerosakan (Al-Hujurat: 9).

Yang dimaksudkan dengan kezaliman, pemberontakan dan perlakuan kerosakan yang membolehkan pelaksanaan jihad bersenjata ialah perbuatan-perbuatan yang mencerooboh nyawa dan harta benda manusia secara melampau dan ganas, bukan semata-mata diskriminasi dan korupsi. Tindakan bersenjata

diambil setelah semua proses yang aman telah diusahakan dan menemui kegagalan.

b. *Mempunyai niat yang betul.*

Jihad bersenjata tidak harus dilakukan atas niat untuk membalas dendam, merampas harta, mencari kemegahan dan kuasa. Ia hanya boleh dilakukan untuk berkhidmat di jalan Allah taala semata-mata.

c. *Di bawah penguasa yang sah.*

Para ulama berpendapat bahawa soal jihad bersenjata ialah persoalan yang dipertanggungjawabkan ke atas para pemimpin negara. Individu dan badan-badan Islam tidak mempunyai kuasa untuk melancarkan jihad bersenjata atas nama Islam atau bagi pihak masyarakat Islam. Hal ini adalah kerana persoalan jihad bersenjata mempunyai kesan besar ke atas masyarakat umum. Oleh itu, hanya para penguasa dan pemimpin negara yang mendapat mandat dari rakyat yang layak untuk membuat keputusan mengenainya.

Hanya dalam situasi di mana sesuatu pemerintahan itu telah dimusnahkan oleh yang menyerang, Muslim dibenarkan mengambil inisiatif secara kolektif untuk melakukan jihad bersenjata bagi mengalahkan musuh yang menjajah negara mereka.

d. *Tidak melampaui batas.*

Segala tindakan dalam jihad bersenjata mestilah tidak melampaui batas (Al-Baqarah:

190, 194, 229; An-Nahl: 126; Asy-Syura: 40; An-Nisa': 171; Al-Maidah: 77). Ini bermakna ia mestilah dilakukan dengan mengikut adab dan aturan undang-undang antarabangsa.

(Nota: Undang-undang antarabangsa di dalam buku kecil ini merujuk kepada undang-undang dan konvensyen antarabangsa berkaitan dengan konflik bersenjata)

e. *Hendaklah diskriminatif.*

Diskriminatif bermaksud tindakan bersenjata hanya boleh ditujukan kepada mereka yang menganggotai pasukan tentera atau kelompok pejuang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang antarabangsa.

Olah itu, tidak boleh membunuh orang awam, bukan pejuang (non-combatant), tawanan perang dan mereka yang cedera. Konsep penggunaan kuasa tempur dalam Islam bukanlah bertujuan untuk menghapuskan sama sekali musuh tetapi mengalahkan mereka dengan melemahkan kekuatan atau menakutkan mereka sehingga mereka menghentikan permusuhan dan perang.

Islam adalah agama yang diwahyukan untuk semua manusia. Manusia seharusnya dilindungi, bukan dimusnahkan, agar mereka dapat diberi peluang mendengar ajaran Islam.

f. *Besar kebarangkalian untuk berjaya.*

Melancarkan perang yang rendah kebarangkaliannya untuk berjaya adalah dilarang. Di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh At-Turmuzi, Rasulullah

s.a.w melarang seorang Muslim dari menghina dirinya sendiri. Apabila ditanya apakah maksud tindakan menghina diri sendiri, Rasulullah s.a.w menjawab, “Apabila ia mendedahkan dirinya kepada bahaya yang ia tidak mampu untuk menghadapinya.”

Kaedah fiqh juga melarang umat Islam dari melakukan sesuatu yang menimbulkan mudarat, bahaya atau kemusnahan yang lebih besar, walaupun dengan tujuan untuk mencegah kejahatan.

Perang hanya dibenarkan jika ia membawa maslahat yang lebih besar atau melarang bahaya yang lebih besar. Jika kebarangkalian untuk berjaya rendah, ini bermakna kebarangkalian untuk mencapai maslahat yang lebih besar atau mencegah mudarat yang lebih besar juga rendah.

g. *Perang sebagai jalan terakhir.*

Walaupun Islam membenarkan jihad bersenjata, tetapi Islam lebih mengutamakan perdamaian (Al-Anfal: 61). Selain itu, sifat Islam itu sendiri sebagai agama perdamaian menuntut agar perang hanya dilakukan apabila telah buntu segala jalan-jalan lain. Beberapa bukti lain ialah Allah taala hanya mensyariatkan jihad bersenjata setelah kira-kira tiga belas tahun Rasulullah s.a.w diutus. Sejarah nabi juga membuktikan bahawa Islam lebih cepat berkembang setelah konflik antara Madinah dan Mekah

terhenti kerana Perjanjian Damai Hudaibiyah. Jumlah yang memeluk Islam setelah perjanjian damai itu lebih ramai dari jumlah umat Islam dari awal perutusan Rasulullah s.a.w sehingga berlaku perjanjian.

## **8. Adakah Islam hanya membenarkan perang untuk membela umat Islam sahaja?**

Tidak, Islam membenarkan umat Islam untuk berperang bagi membela golongan yang tertindas dan dizalimi tanpa mengira bangsa atau agama (Al-Haj: 40). Allah taala mahu wujudnya sekelompok manusia yang menolak kejahatan sekelompok yang lain sehingga masjid-masjid, gereja-gereja dan rumah-rumah ibadat yang lain terselamat dari kemusnahan. Ini memberi petanda bahawa menolak kejahatan dalam bentuk apa sahaja bukan hanya bertujuan untuk membela umat Islam sahaja. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam adalah satu agama yang berusaha untuk memelihara hak dan keselamatan semua pihak sejajar dengan hakikat Islam sebagai satu agama yang membawa rahmat bagi sekalian alam.

## **9. Adakah Islam mensyariatkan jihad bersenjata untuk memerangi orang bukan Muslim sepanjang masa?**

Tidak, jihad bersenjata bukan bertujuan untuk terus menerus memerangi bangsa lain kerana

perbezaan akidah. Jihad bersenjata hanya dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja (sila rujuk soalan 6 dan 7). Sekiranya terdapat sekelompok umat Islam yang menzalimi penganut agama lain sehingga mencabul nyawa, harta dan kehormatan mereka, mereka boleh diperangi, setelah segala usaha lain untuk menghalang perbuatan mereka gagal.

## 10. Adakah benar ayat-ayat yang membenarkan jihad hanya apabila diserang telah dimansuhkan?

Tidak, tiada dalil yang menyokong pandangan berkenaan. Kesemua ayat jihad mestilah difahami secara bersama dan bersepadu. Ayat yang umum dikhususkan pengertiannya oleh ayat-ayat yang khusus dan bersyarat. Oleh itu, ayat-ayat yang memerintahkan memerangi orang bukan Muslim secara umum dan tanpa syarat mestilah ditafsirkan sebagai merujuk kepada mereka yang memerangi umat Islam sahaja.

Di dalam Al-Quran, telah jelas bahawa Islam tidak membenarkan memerangi golongan bukan Muslim yang tidak memerangi umat Islam (Al-Hasyr: 8-9, Al-Maidah: 2).

## 11. Apakah benar jihad bersenjata ialah amalan Islam yang paling mulia dan tertinggi?

Rasulullah s.a.w mensifatkan jihad dalam haditsnya sebagai puncak ibadah dalam Islam. Ini adalah

kedudukan jihad secara umum dalam Islam. Ia dianggap sebagai satu ibadah yang paling mulia dan tinggi kerana ia memerlukan pengorbanan yang besar dan satu kewajiban yang paling mencabar untuk ditunaikan, terutama jika sesuatu masyarakat itu diserang atau berhadapan dengan pencerobohan asing.

Namun, ini tidak bermakna bahawa jihad bersenjata adalah satu pilihan yang terbaik bagi menyelesaikan setiap masalah umat Islam dalam semua keadaan atau di mana-mana sahaja.

Oleh kerana Islam adalah agama yang komprehensif, ia menawarkan pelbagai pilihan dan pendekatan bagi umatnya untuk menyelesaikan masalah mereka, tertakluk pada pelbagai adab dan aturan yang ketat. Sebagaimana yang telah diterangkan, jihad pula bukan bermakna hanya dengan mengangkat senjata sahaja. Bahkan, Islam sentiasa memberi keutamaan kepada penyelesaian secara damai bagi segala masalah.

## 12. Bagaimanakah jihad bersenjata dilancarkan?

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pada prinsipnya, jihad bersenjata hanya boleh dilakukan oleh para penguasa. Penguasa hanya boleh melakukannya dengan mengumumkan perisytiharan perang dan langkah-langkah lain yang ditetapkan oleh undang-undang antarabangsa.



### **13. Kenapakah perlu mematuhi undang-undang antarabangsa berkaitan peperangan sedangkan Islam mempunyai hukum jihad?**

Jihad bersenjata perlu secara dasarnya mematuhi hukum jihad yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah sebagaimana yang ditafsirkan oleh para ulama yang muktabar.

Namun dalam konteks hari ini, undang-undang antarabangsa berkaitan peperangan menyempurna hukum jihad yang ada. Secara dasarnya, undang-undang antarabangsa berkaitan perang tidak bercanggah dengan hukum jihad kerana keduanya bertujuan untuk membataskan bahaya peperangan. Selain itu, mematuhi undang-undang antarabangsa juga sejajar dengan kaedah fiqh yang membolehkan adat dan amalan semasa sebagai sumber hukum selama mana ia tidak bercanggah dengan syariat.

Mengabaikan undang-undang antarabangsa berkaitan perang atas alasan ia bukan bersumber dari agama adalah salah kerana:

- a. Islam membenarkan umatnya mengambil manfaat dan kebaikan dari orang atau sumber yang lain.
- b. Ia bercanggah dengan kaedah fiqh yang dinyatakan di atas.
- c. Ia melanggar perjanjian yang ditandatangani oleh para penguasa untuk

mematuhi undang-undang antarabangsa.

- d. Ia akan merosakkan imej umat Islam sebagai satu umat yang tidak menghormati sistem antarabangsa dan tidak boleh hidup di bawahnya.
- e. Ia akan menyebabkan negara lain tidak akan mematuhi undang-undang antara bangsa apabila berurusan dengan umat Islam.

Oleh itu, pembelajaran dan pelaksanaan fiqh jihad hari ini perlulah digandingkan dan disejajarkan dengan undang-undang antarabangsa berkaitan peperangan.

### **14. Apakah sikap Islam terhadap perbuatan mengambil tebusan, merampas pengangkutan awam dan melakukan serangan di tempat awam?**

Kesemua perbuatan ini adalah haram. Ia termasuk di dalam hukum hirabah dalam Islam (Al-Maidah: 33-34). Ia termasuk antara dosa-dosa besar yang layak dihukum dengan hukuman yang keras – hukuman bunuh.

### **15. Setengah pihak membolehkan membunuh orang awam kerana mereka membayar cukai dan mengundi pemerintah yang memerangi umat Islam. Adakah pandangan ini benar?**

Pandangan sedemikian tidak benar. Sejak dahulu lagi, cukai telah dikenakan oleh semua pemerintah ke atas rakyat mereka. Penglibatan orang biasa

dalam polisi pemerintah juga bukan suatu yang baru. Dalam satu masyarakat yang ber-sistemkan kabilah, pemimpin kabilah sering kali melibatkan ahli-ahli kabilahnya dalam isu-isu penting yang melibatkan kabilah. Idea tentang demokrasi dan pelaksanaannya juga pernah dilaksanakan oleh bangsa Greek dan Rom satu masa dahulu. Namun Rasulullah s.a.w tetap melarang pembunuhan rakyat biasa dalam peperangan.

## **16. Apakah boleh membunuh pekerja-pekerja awam yang bekerja untuk musuh?**

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, jihad bersenjata diatur oleh adab dan peraturan yang ketat yang wajib dipatuhi. Membunuh pekerja-pekerja awam yang bekerja untuk musuh tidak dibenarkan kerana dalam sebuah hadits Rasulullah s.a.w melarang pembunuh golongan yang dinamakan `asif. `Asif ialah mereka yang tidak terlibat dalam pertempuran tetapi berada di medan perang untuk mengurus keperluan logistik pasukan tentera.

Sekiranya Islam melarang membunuh golongan yang tidak melibatkan diri dalam pertempuran tetapi berada di medan perang, maka pastilah membunuh orang-orang awam yang berada jauh dari medan perang lebih utama lagi.

## **17. Apakah benar hukum jihad bersenjata pada hari ini ialah fardhu ain ke atas semua umat Islam?**

Pada asalnya, jihad bersenjata ialah fardhu kifayah – satu kewajiban yang mana jika dilakukan oleh sebahagian oleh anggota masyarakat Islam, anggota masyarakat Islam yang lain terlepas dari memikul kewajiban berkenaan.

Hukum berkenaan hanya berubah kepada fardhu ain, jika:

- a. Negara di mana sesebuah masyarakat Islam itu berada diserang secara tidak sah dan pemimpin negara melakukan kerahan umum ke atas rakyat.
- b. Jika seseorang itu menjadi anggota profesional dalam pasukan tentera dan keselamatan.

## **18. Apakah perlu Muslim Singapura pergi ke medan jihad bersenjata yang sah untuk membantu saudara-saudaranya yang tertindas?**

Rakyat biasa Muslim di Singapura hendaklah tidak melibatkan diri dalam mana-mana konflik bersenjata di negara-negara lain kerana sebab-sebab berikut:

- a. Ia akan menjejaskan keselamatan dan kepentingan negara.
- b. Ia adalah perbuatan melanggar undang-undang negara.

- c. Setiap tenaga diperlukan untuk memajukan masyarakat Islam Singapura.
- d. Islam menuntut umatnya agar mengutamakan kewajiban ke atas masyarakat yang terdekat dahulu sebelum membantu mereka yang jauh.
- e. Ia akan menimbulkan banyak masalah kepada kepentingan umum masyarakat Islam Singapura.
- f. Terdapat banyak saluran-saluran lain yang sah yang boleh diambil untuk membantu golongan yang tertindas.

## **19. Bagaimanakah yang sebaiknya seorang Muslim bertindak terhadap penindasan dan kekejaman yang berlaku ke atas masyarakat Islam di negara tertentu?**

Menunjukkan simpati dan menghulurkan sokongan ke atas masyarakat Islam yang tertindas dan dizalimi seperti umat Islam di Palestin adalah wajar dan tidak salah. Namun, perlulah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- a. Ia hendaklah dilakukan dengan mengambil kira realiti di mana seseorang itu berada.
- b. Ia hendaklah dilakukan dengan mengikut undang-undang di mana seseorang itu berada.
- c. Ia hendaklah mengambil kira kemampuan seseorang dan keutamaan semasa.

Antara perkara-perkara yang boleh dilakukan ialah:

- a. Berdoa untuk mereka yang tertindas setiap selepas solat atau pada waktu-waktu yang sesuai.
- b. Hulurkan bantuan kewangan melalui badan-badan bantuan yang boleh dipercayai untuk menyalurkan bantuan berkenaan bagi kegunaan bantuan kemanusiaan.
- c. Sentiasa mengambil tahu akan masalah mereka melalui berita-berita yang boleh dipercayai.
- d. Membantu untuk meningkatkan kesedaran semua pihak terhadap penindasan yang berlaku dengan menyebarkan maklumat yang benar mengenai mereka.
- e. Melibatkan diri dalam kerja-kerja bantuan kemanusiaan melalui agensi-agensi yang diakui dan dipercayai.
- f. Bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah berkenaan secara aman dengan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti persidangan, petisyen, pameran dan bahan-bahan bacaan.

Namun, perlu ditingkatkan bahawa Islam menyeru umatnya untuk membela segala bentuk kezaliman di muka bumi tanpa mengira samada ia berlaku ke atas Muslim atau umat lain (sila rujuk soalan 7 dan 8).

## **20. Apakah pandangan Islam terhadap pemberotakan bersenjata melawan pemerintah yang tidak**

## adil, mengamalkan korupsi dan kuku besi?

Melakukan pemberontakan bersenjata ke atas pemerintah kuku besi yang zalim amat tidak digalakkan oleh Islam dan boleh menyebabkan seseorang jatuh dalam dosa kerana tindakan berkenaan sentiasa menatijahkan akibat buruk yang besar seperti pertumpahan darah, jatuhnya korban mereka yang tidak berdosa dan kadangkala menguatkan lagi kedudukan pemerintah kuku besi berkenaan.

Ini tidak sama sekali bermakna bahawa Islam tidak mengajar umatnya bangkit menghadapi kezaliman seorang pemimpin tetapi ia hendaklah dilakukan dengan nasihat dan jalan-jalan yang lain dari pemberontakan bersenjata. Terdapat banyak contoh pemerintah kuku besi yang zalim dapat diubah tanpa melalui pemberontakan bersenjata.

## 21. Apakah Islam membenarkan menyerang musuh di mana-mana sahaja?

Islam tidak membenarkan serangan ke atas musuh di mana-mana sahaja. Operasi bersenjata ke atas musuh dalam perang hanya boleh dilakukan di medan konflik atau zon peperangan atau daerah yang diakui oleh undang-undang antarabangsa.

## 22. Apakah pandangan Islam terhadap operasi bunuh diri yang banyak berlaku hari ini?

Operasi bunuh diri yang banyak dilakukan hari ini terlarang kerana pada dasarnya ia bercanggah dengan larangan membunuh diri dalam Islam. Selain itu, penduduk awam yang tidak berdosa sering kali turut menjadi sasaran dalam operasi ini. Ini mengakibatkan fitnah dan pencemaran ke atas nama baik Islam dan umatnya.

Usaha sebahagian pihak untuk mengqiyyaskan operasi seperti ini dengan tindakan nekad para sahabat dan tentera Islam bukanlah qiyas yang tepat kerana perbezaan-perbezaan berikut:

- a. Pelaku operasi nekad dahulu terkorban disebabkan oleh senjata musuh sedangkan pelaku operasi bunuh diri hari ini terkorban oleh senjata yang diletupkan oleh dirinya sendiri.
- b. Insiden-insiden operasi nekad dahulu berlaku semasa pertempuran dan peperangan sedang berjalan sedangkan pelaku operasi bunuh diri hari ini melakukannya bukan ketika pertempuran berlaku. Operasi bunuh diri yang dilakukan hari ini dilakukan secara berleluasa dan bukan sewaktu pertempuran berlaku seperti yang disaksikan dalam insiden 9/11 serta pengeboman keretapi di London dan Madrid.

Berdasarkan hujah-hujah di atas, disimpulkan bahawa kesahihan operasi bunuh diri sebagaimana yang dipegang oleh sesetengah pihak termasuk dalam perkara syubhat (samar-samar) yang perlu dielakkan.

## **Muhammad Haniff Hassan**

adalah penyelidik dan siswa program kedoktoran di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau memegang ijazah sarjana M.Sc (Pengajian Strategik) dari institut yang sama. Pendidikan awalnya ialah di Madrasah Aljunied Al-Islamiah, Singapura. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memperoleh ijazah sarjana pertama dengan kepujian dalam Syariah dan Undang-undang.

Beliau turut aktif dalam berbagai kerja sosial dan dakwah sebagai anggota Majlis Rayuan Syariah di bawah Majlis Ujama Islam Singapura, anggota Majlis Pensihat Syariah untuk HSBC Insurance (Singapura), anggota Majlis Tertinggi Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS) dan anggota Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah. Beliau telah banyak menyumbang bahan tulisan di akhbar Berita Harian dan artikel-artikelnya juga diterbitkan oleh akhbar The Straits Times. Sehingga kini beliau telah menerbitkan buku-buku bertajuk Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan (2001), Pesanan Perjuangan (2002), Muslim... Moderat...Warga Singapura (2003) dan Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran (2004) dan *Unlicensed to Kill: Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing*. Beliau juga menulis buku *Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura* (2001) terbitan Majlis Ujama Islam Singapura dan *Kesederhanaan Dalam Islam Mengikut Konteks Masyarakat Islam Singapura* (2004) terbitan PERGAS. Beliau mempunyai blog peribadi bagi menolak salah tafsiran terhadap jihad oleh kumpulan pengganas seperti Al-Qaeda di <http://counterideology.multiply.com>

## **Mohamed bin Ali**

adalah penyelidik di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau memperolehi ijazah pertamanya dalam Syariah dari Universiti Al-Azhar di Kaherah. Sebelum itu, beliau menuntut di Madrasah Aljunied Al-Islamiah Singapura dari tahun 1990 hingga 1995. Beliau sekarang ini sedang mengikuti program Sarjana Sains dalam Pengajian Antarabangsa di RSIS.

Beliau berpengalaman sebagai aktivis dan sukarelawan kerja kemasyarakatan selama 15 tahun. Antara penglibatan beliau kini ialah anggota sekretariat dan kaunselor bagi Kumpulan Pemulihan Agama yang terlibat dalam program pemulihan anggota-anggota Jemaah Islamiah yang ditahan di Singapura, anggota Jawatankuasa Pentadbir Masjid Khadijah dan kaunselor bagi pihak Jabatan Penjara Singapura. Beliau telah mengendalikan pelbagai kursus, menulis artikel-artikel dan membenteng banyak kertas kerja di peringkat tempatan dan antarabangsa mengenai ideologi kumpulan pelampau.

Hakcipta terpelihara, 2007.

Hakcipta kandungan buku ini dimiliki bersama oleh Muhammad Haniff Hassan dan Mohamed bin Ali.

Semua hakcipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.